

SATU TINJAUAN TENTANG KEBERKUTAN ANTARA TEKNIK PENGURUSAN
MASA DENGAN TAPAK KETEGANGAN (STRESS) DI KALANGAN PIHAK
PENGURUSAN SEKOLAH DI BEBERAPA BUAH SEKOLAH MENENGAH
DAERAH KUANTAN, PAHANG

SKRIPSI
DIPERSEDIAKAN
UNTUK
KEPERLUAN
PENGURUSAN
SARJANA
SARJANA
SARJANA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

108012



108012

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan antara teknik pengurusan masa dengan tahap ketegangan di kalangan pihak pengurusan sekolah. Kajian ini juga cuba meninjau tentang tahap penggunaan teknik pengurusan masa dan tahap ketegangan yang dialami dengan berdasarkan faktor demografi seperti jantina, peringkat umur, pengalaman bertugas dan bilangan tugas yang dipegang oleh mereka. Kajian ini melibatkan seramai 94 orang guru yang menerajui pelbagai jawatankuasa dalam Jawatankuasa Pengurusan Sekolah dari tujuh buah sekolah menengah dalam daerah Kuantan, Pahang. Alat ukur yang digunakan dalam kajian ini ialah Skala Penilaian Teknik Pengurusan Masa dan Skala Penilaian Tahap Ketegangan. Analisis deskriptif telah dilakukan bagi mendapatkan maklumat yang berkenaan dengan latar belakang responden seperti nilai min, kekerapan dan peratusan. Manakala analisis inferensi seperti Ujian-t dan Ujian Koefisien Korelasi Pearson 'r' pada aras keertian 0.05 telah digunakan sebagai asas penerimaan atau penolakan hipotesis nul kajian. Hasil Ujian-t mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara teknik pengurusan masa dengan bilangan tugas yang dipegang dan terdapat juga perbezaan yang signifikan antara tahap ketegangan dengan faktor jantina dan umur. Ujian Koefisien Korelasi Pearson 'r' menunjukkan bahawa tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara teknik pengurusan masa dengan tahap ketegangan. Dapatan ini berbeza dengan kajian lepas yang mendapati bahawa terdapat hubungan antara kedua-dua pembolehubah berkenaan. Ini bermakna ketegangan yang dialami bukanlah berpunca dari segi pengurusan masa tetapi terdapat faktor lain yang lebih dominan iaitu seperti faktor dalaman sekolah yang lebih berperanan dalam meningkatkan tahap ketegangan di kalangan pihak pentadbir sekolah. Namun begitu, pengurusan masa yang berkesan akan lebih menjamin kelicinan tugas yang dilaksanakan.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kebelakangan ini, '*stress – related mental disorders*' merupakan penyakit yang kian bertambah bilangan pengidapnya. Stres juga dikenali sebagai 'Penyakit Abad ke-20' dan tiada ubatnya dalam perubatan moden. Secara sedar atau tidak sebahagian besar manusia akan mengalaminya tetapi pada tahap-tahap yang berbeza. Beberapa tahun kebelakangan ini kebanyakan doktor berpendapat bahawa pendedahan stres yang berterusan boleh menyebabkan serangan penyakit-penyakit yang merbahaya seperti kanser, koronori jantung dan tekanan darah tinggi. Malah bukti yang terkini pula menunjukkan bahawa stres yang teruk boleh menjadi faktor utama jangkitan HIV merebak kepada AIDS yang aktif (Goliszek, 1993).

Kajian yang dijalankan oleh Pusat Kaunseling dan Penjagaan terhadap masyarakat Singapura pada tahun 1980 pula mendapati bahawa mereka yang berada dalam lingkungan usia 20-39 tahun lebih cenderung mengalami stres yang berkait dengan kerja, emosi, kewangan dan hubungan kekeluargaan. Stres kerja boleh berlaku dalam mana-mana organisasi dan pihak pengurusan seharusnya peka terhadap permasalahan ini kerana mempunyai kecenderungan terhadap penurunan prestasi kerja individu yang terlibat.

Menurut Larchik dan Chance (2000), guru juga tidak terlepas dari stres atau ketegangan. Corak kehidupan hari ini, dengan pelbagai desakan seperti permintaan yang tinggi dalam teknologi dan keadaan hidup masyarakat yang kian kompleks menyebabkan krisis ketegangan di kalangan guru semakin meningkat. Tekanan ini sudah tentulah akan lebih dirasakan oleh pihak pengurusan atasan sesebuah sekolah itu kerana bidang tugas mereka adalah lebih luas berbanding dengan guru-guru biasa.

Pengurusan sekolah adalah berbeza dengan pengurusan sektor atau organisasi yang lain kerana inputnya adalah para pelajar yang memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar serta perhatian yang tinggi daripada guru-guru di sekolah ke arah perkembangan personaliti, mental dan fizikal mereka. Dalam sistem pendidikan formal, guru menjadi teras yang akan menentukan standard, kualiti dan keberkesanan sistem pendidikan di negara ini. Matlamat pendidikan ini adalah selaras dengan matlamat negara ke arah mewujudkan bangsa Malaysia yang cemerlang.

Bagi menjamin kelicinan urusan pengurusan dan pentadbiran sekolah, pengagihan dan penurunan kuasa dilakukan oleh para pengetua kepada seorang guru yang dilantik khusus bagi mengetuai sesuatu jawankuasa yang dibentuk. Sebagai contoh terdapat arahan rasmi daripada Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/1986 yang bertarikh 13 Mac, 1986 iaitu merujuk kepada para (3) yang menyatakan :

"... .. pihak sekolah adalah dikehendaki menubuh dan memperkemaskan lagi Panitia – panitia Mata Pelajaran supaya keberkesanan pengajaran di sekolah dapat dipertingkatkan".

Secara rasminya menurut surat pekeling tersebut terdapat 14 peranan yang perlu dimainkan oleh Ketua Panitia bagi menjamin keberkesanan kurikulum mata pelajaran masing-masing. Di samping itu terdapat pelbagai bidang tugas lain lagi yang dari semasa ke semasa dipertanggungjawabkan oleh pihak pengurusan sekolah ke atas bahu Ketua Panitia. Ini bermakna beban kerja mereka akan bertambah. Guru dikatakan

terpaksa melakukan kerja lebih masa, kerja-kerja pengkeranian, membuat alat bantu mengajar, menghadiri kursus atau seminar sepanjang minggu dan sebagainya (Siti Rohani, 1991).

Justeru itu seseorang guru yang dilantik memegang tugas jawatankuasa pengurusan sekolah mestilah pandai menguruskan masa supaya mereka dapat menguruskan semua tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan. Mereka juga sepatutnya mempunyai pengetahuan asas dalam menguruskan masa. Kerisauan dan kerungsingan sering melanda seseorang yang dibebankan dengan tugas yang banyak dan perlu disiapkan dalam jangkamasa yang tertentu dan jika hal ini tidak ditangani segera maka sudah tentulah akan membawa kepada ketegangan atau stres pada diri mereka.

Huffstutter. (1991) menyatakan bahawa satu strategi diperlukan bagi menangani pembuangan masa dan penyebab ketegangan pada diri seseorang itu. Antara lain strategi ini memerlukan seseorang itu mempunyai tahap kesedaran dan perubahan sikap yang tinggi terhadap sesuatu perkara baru. Mereka juga perlu menganalisis diri dan mengenalpasti penyebab ketegangan dan pembuangan masa melalui log harian dan seterusnya menentukan teknik yang praktikal bagi menguruskan ketegangan dan pembuangan masa. Ini membuktikan bahawa seseorang yang tidak dapat menguruskan masa mereka dengan baik akan mengalami ketegangan secara berterusan. Ini bermakna pengurusan masa dan ketegangan mempunyai hubungan antara satu sama lain.

Pengkaji beranggapan bahawa fenomena di atas adalah amat menarik untuk dikaji memandangkan beban tugas guru-guru yang terlibat dalam proses pengurusan sekolah semakin hari semakin bertambah. Mereka sendiri kadang-kala terpaksa mengeneipkan pelbagai urusan lain semata-mata menyiapkan tugas sekolah walau pun di luar waktu bertugas. Kecekapan pengurusan masa dikatakan akan dapat mengurangkan rasa ketegangan yang dialami oleh mereka dan menjadikan mereka lebih berkesan dalam melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan. Oleh itu pengkaji juga berminat untuk melihat sejauh manakah pernyataan tersebut benar. Jika didapati bahawa pengurusan masa benar terbukti dapat mengurangkan ketegangan dalam diri,